

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J02.01/10.12/2 (74)

24 April 2022
22 Ramadan 1443

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 14 /2022

BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2022

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan supaya Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2022 dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana melalui Surat Edaran oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 11 April 2022 mengenai Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2022 (Rujukan JPA.800-3/2/1(41)).

2. Berdasarkan pekeling tersebut, Lembaga Pengarah Universiti Bilangan Khas 1/2022 bersetuju supaya Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri ini dibayar kepada staf Universiti Teknologi Malaysia (UTM) gred 56 dan ke bawah bagi lantikan tetap, sementara, *Contract of Service* dan *Contract for Service* sebanyak RM500.00. Pemberian BKKA ini turut dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian tertakluk kepada peruntukan Jabatan masing-masing.
3. Pesara yang dilantik semula secara *Contract of Service* di UTM juga layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri sebanyak RM500.00. Walau bagaimanapun, pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya akan dibayar oleh UTM.
4. Sehubungan itu, Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2022 ini akan dibayar pada 25 April 2022.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

NAI/GA/saah